

2

Keboleh-mampuan *Facebook* dalam pembelajaran: Ekplorasi Terhadap Penggunaan dan Interaksi

Junaidah Yusup, Mohd Nihra Haruzuan Mohd Said & Abdul Razak Idris

2.1 PENGENALAN

Perkembangan teknologi Web 2.0 membolehkan pendidik menggunakan sumber-sumber pendidikan terbuka (OER) seperti Wikis, blogs, dan laman rangkaian sosial (SNS) untuk menghasilkan dan berkongsi hasil kerja mereka. Daripada semua aplikasi-aplikasi OER, SNS terutamanya *Facebook* adalah merupakan laman rangkaian sosial yang paling popular dan telah berjaya menarik banyak perhatian kebelakangan ini. *Facebook* juga telah menjadi rangkaian sosial yang paling kerap digunakan dengan lebih daripada 1 bilion pengguna aktif setiap bulan (Alexa, 2014). Statistik laporan oleh Alexa (2014) melaporkan bahawa *Facebook* adalah merupakan laman sosial yang kedua tertinggi daripada lima laman web yang paling tinggi dilawati di Internet selepas Google.com. Bagi penggunaan *Facebook* di Asia, Malaysia merupakan negara ke-lapan tertinggi dengan 13.3 juta pengguna aktif berdaftar di *Facebook* (Talip, 2013), dan menduduki tempat keempat di Asia Tenggara selepas Indonesia, Filipina, dan Thailand dari segi nombor pengguna *Facebook* (Talip, 2013).

Laman web sosial *Facebook* dikatakan memberikan kemudahan kepada pengguna untuk menyalurkan maklumat atau mengemaskini status, berkongsi dan tag gambar, dan gaya hidup berkomunikasi. Walaupun *Facebook* tidak direka khusus untuk kegunaan pendidikan seperti E-pembelajaran, ia mempunyai potensi untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kerana kajian menunjukkan pelajar menghabiskan banyak masa di dalam *Facebook* setiap hari (Towner & Muñoz, 2010). Satu kajian yang dilakukan oleh Ross, Orr, Sisic, Arseneault, Simmering & Orr (2009) menunjukkan majoriti peserta kajian (pelajar) (79%) dilaporkan menghabiskan 10-60 minit di dalam *Facebook* setiap hari. Hasil kajian yang sama turut dilaporkan oleh Stern & Taylor (2007) di mana 96% daripada peserta kajian telah log masuk ke dalam *Facebook* kurang daripada 10-60 minit sehari.

2.2 APAKAH ITU FACEBOOK?

Facebook dibangunkan oleh Mark Zuckerberg pada Februari 2004 di dalam bilik asramanya di Universiti Harvard (Wilson, Gosling, & Graham, 2012). Pada mulanya, *Facebook* dibangunkan sebagai rangkaian sosial atas talian untuk Universiti Harvard tetapi ianya dibuka kepada umum pada tahun 2006 (Hew, 2011). Sejak pembukaannya, pengguna *Facebook* telah meningkat dan rangkaian tersebut telah mencapai sebanyak 874 billion pengguna sejak September 2013 (*Facebook*, 2013). Pada asasnya, *Facebook* merupakan tempat untuk bersosial atas talian di mana pengguna boleh menambah kawan, menghantar mesej, dan mengemaskini profil peribadi untuk kawan-kawan mereka mendapatkan maklumat ringkas mengenai diri mereka (Quan-Haase & Young, 2010). Di dalam *Facebook*, pengguna juga boleh menyertai kumpulan alam maya yang dibuat berdasarkan minat yang sama dengan tujuan untuk berkenalan antara satu sama lain, berkongsi minat, dan hobi.

2.3 PENGGUNAAN FACEBOOK DI IPTA

Facebook merupakan laman yang paling kerap dilayari dan menyumbangkan satu per tiga daripada trafik laman web di Malaysia (Alexa, 2014). Rakyat Malaysia terutamanya golongan anak muda banyak menghabiskan masa di dalam *Facebook* dan ianya telah menjadi rutin harian mereka. Pelajar merupakan antara pengguna *Facebook* yang aktif menggunakan laman sosial tersebut untuk tujuan bersosial. Kajian yang dilakukan oleh Mustaffa et. al. (2011) menunjukkan majoriti pelajar menghabiskan masa selama 1-3 jam sehari melayari laman sosial *Facebook*. Penglibatan aktif para pelajar di dalam laman sosial *Facebook* telah mendorong kepada banyak kajian dilakukan dengan tujuan untuk mengkaji penggunaan *Facebook* dikalangan pelajar khususnya para pelajar di peringkat pengajian tinggi. Terdapat beberapa motif penggunaan *Facebook* dikalangan pelajar. Penglibatan pelajar di dalam *Facebook* banyak dipengaruhi oleh keinginan mereka untuk terlibat dalam interaksi sosial (Wilson et. al., 2012). Tujuan utama para pelajar menggunakan *Facebook* adalah untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka terutamanya rakan-rakan yang tinggal jauh daripada mereka (Cheung, Chiu, & Lee, 2011; Wilson et. al., 2012). Kebiasaannya para pelajar menggunakan *Facebook* untuk sentiasa berhubung dengan rakan lama dan dengan tujuan untuk mencari kawan baru di dalam laman sosial *Facebook* (Mustaffa et. al., 2011; Pempek et. al., 2009; Hussain, 2012; Lampe, Ellison, & Steinfield, 2006; Sarsar & Harmon, 2011). Ini menyebabkan *Facebook* secara tidak langsung telah menjadi salah satu alat bagi mereka untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat terkini daripada rakan-rakan mereka melalui interaksi di dalam *Wall Facebook* (Mustaffa et. al., 2011; Pempek et. al., 2009; Hussain,

2012; Lampe, Ellison, & Steinfield, 2006; Sarsar & Harmon, 2011).

2.4 KAJIAN LEPAS BERKAITAN DENGAN PENGGUNAAN FACEBOOK DI IPTA

Kajian lepas telah menunjukkan penglibatan ramai pelajar dalam laman rangkaian sosial, terutamanya Facebook. Dalam konteks pendidikan di IPTA, Facebook dilihat mempunyai potensi tinggi untuk aspek-aspek seperti interaksi dan kerjasama pelajar; dan perkongsian maklumat dan sumber oleh pelajar (Said, Forret & Eames, 2013). Penggunaan Facebook sebagai persekitaran pembelajaran terbukti memberi manfaat kepada pelajar yang mana ianya dilihat mempunyai keupayaan untuk menggalakkan interaksi di luar sempadan bilik darjah. Bosch (2009) mendapati pensyarah boleh menghubungi pelajar dengan lebih cepat dan lebih mudah melalui Facebook berbanding dengan menghubungi pelajar semasa di dalam kelas biasa, dan pelajar berasa lebih selesa bertanya soalan melalui Facebook. Selain itu, pelajar juga berpendapat bahawa pensyarah mereka lebih mudah untuk didekati di dalam bilik darjah selepas mengikuti mereka dalam talian melalui Facebook (Bosch, 2009; Duffy, 2011). Kajian menunjukkan bahawa Facebook boleh menyokong interaksi pelajar dengan rakan sebaya; dan peningkatan komunikasi yang lebih tentang kandungan kursus, dan penilaian. Sebagai contoh, Selwyn (2009) menunjukkan bahawa pelajar menggunakan Facebook dalam aktiviti perbincangan pengalaman pembelajaran dan perkongsian maklumat untuk keperluan penilaian. Interaksi rakan sebaya melalui Facebook boleh menjadi satu kaedah pembelajaran yang bernilai, kerana hakikat bahawa pelajar mendapatkan maklumat lebih lanjut melalui interaksi dan komunikasi mereka dengan pelajar-pelajar lain (Said, Mohd Tahir & Ali, 2014). Satu kajian oleh Mazman dan Usluel (2010) yang menilai tiga dimensi Facebook: komunikasi, kerjasama, dan sumber atau bahan perkongsian. Mereka mendapati penggunaan Facebook sebagai alat pembelajaran mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kegunaan (*usefulness*), kemudahan penggunaan (*ease of use*), pengaruh sosial (*social influence*), pengantaraan keadaan (*facilitating condition*) dan identiti masyarakat (*community identity*). Kajian ini juga menunjukkan bahawa aspek kegunaan (*usefulness*) ditentukan sebagai faktor yang penting dalam penggunaan Facebook sebagai alat pembelajaran. Towner dan Muñoz (2010) melaporkan pelajar-pelajar kolej yang menggunakan Facebook bagi pembelajaran formal dan tidak formal. Mereka mendapati 56% daripada pelajar meninggalkan mesej pada dinding pelajar yang lain mengenai kelas, 43% bercakap tentang kelas melalui Facebook chat, dan 38% bercakap tentang kuliah. Selain itu, kajian mereka juga menunjukkan 47% daripada pelajar membantu pelajar lain dengan bahan-bahan yang diperlukan untuk kerja kursus mereka melalui Facebook, dan merumuskan Facebook adalah media yang sesuai untuk

pembelajaran, menyokong interaksi antara rakan-rakan dan perbualan mengenai bahan kursus.

2.5 FACEBOOK SEBAGAI ALAT PEMBELAJARAN

Selain daripada menggunakan *Facebook* untuk tujuan bersosial, pelajar juga secara tidak langsung telah menggunakan *Facebook* untuk tujuan akademik. *Facebook* telah terbukti boleh digunakan sebagai alat pembelajaran yang berkesan khususnya untuk pembelajaran tidak formal (Madge et. al., 2009). Sebagai salah satu medium yang mudah dan berkesan, para pelajar menggunakan *Facebook* untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan sekelas mereka untuk membincangkan aktiviti-aktiviti berkaitan akademik mereka (Gray, Vitak, Easton, & Ellison, 2013). Pelajar menggunakan *Facebook* sebagai medium untuk melakukan aktiviti-aktiviti akademik seperti berbincang mengenai perkembangan tugas mereka serta membuat ulangkaji sesama rakan sekelas mereka dan aktiviti-aktiviti tersebut dilaporkan meningkat ketika tarikh menghantar tugas semakin hampir dan ketika minggu peperiksaan (Madge et al., 2009; Vivian, 2011). Terdapat beberapa ciri-ciri di dalam *Facebook* yang boleh diguna bagi tujuan pembelajaran seperti dinding *Facebook*. Dinding di dalam kumpulan *Facebook* membolehkan pelajar dan pengajar berkongsi gambar, video, dan juga untuk membuat pengumuman berkaitan pembelajaran dan secara automatik pos-pos tersebut akan muncul di dalam Dinding kumpulan *Facebook* yang mana ianya memudahkan para pelajar dan pengajar untuk mengikuti perkembangan aktiviti di dalam kumpulan tersebut (Wang, Woo, Quek, Yang, & Liu, 2012). Ciri-ciri *Facebook* yang seakan-akan sama dengan E-pembelajaran yang lain membolehkan *Facebook* menjadi alat pembelajaran atas talian alternatif selain daripada E-pembelajaran lain yang sedia ada (Meishar-Tal, Kurtz, & Pieterse, 2012).

2.6 INTERAKSI DAN DIMENSI PEMBELAJARAN MELALUI FACEBOOK

Interaksi dan dimensi pembelajaran atas talian telah banyak dibincangkan di dalam artikel-artikel berkaitan dengan pendidikan jarak jauh. Dalam interaksi atas talian, pelajar akan melakukan empat jenis interaksi iaitu interaksi antara pelajar dan pelajar, interaksi antara pelajar dan pengajar, interaksi antara pelajar dan bahan pembelajaran, dan interaksi antara pelajar dan antara muka (Said & Mohd Tahir, 2013). Di samping itu juga terdapat lima dimensi pengajaran yang mempengaruhi pembelajaran melalui laman web sosial seperti dimensi pembelajaran: penyertaan, interaktif, sosial, kognitif dan nilai.

2.5.1 Interaksi Antara Pelajar dan Pelajar

Interaksi antara pelajar-pelajar berlaku apabila pelajar berinteraksi dengan rakan pelajar yang lain yang dilakukan secara atas talian (Miltiadou & Savenye, 2003). Interaksi ini dilakukan oleh pelajar ketika berkomunikasi dengan rakan sekelas mereka untuk membincangkan perkara berkaitan dengan aktiviti akademik. Interaksi antara pelajar dengan rakan sekelas ini selalu berlaku di dalam E-pembelajaran boleh juga berlaku di dalam persekitaran *Facebook* di mana para pelajar boleh berinteraksi dengan rakan mereka untuk berbincang mengenai tugas-tugas, berkongsi bahan-bahan pembelajaran, berkongsi maklumat-maklumat yang mereka perolehi di dalam serta serta banyak lagi aktiviti-aktiviti akademik yang boleh dilakukan secara atas talian (Towner & Muñoz, 2010).

2.5.2 Interaksi Antara Pelajar dan Pengajar

Interaksi antara pelajar dan pengajar di atas talian berlaku apabila pengajar membimbing pelajar untuk berkomunikasi di persekitaran *Facebook* (Miltiadou & Savenye, 2003). Dalam interaksi ini, pengajar akan bertindak sebagai orang tengah yang akan bertanggungjawab untuk mendorong dan menarik minat pelajar untuk aktif dalam pembelajaran atas talian. Ini penting bagi memastikan para pelajar tidak hilang minat terhadap aktiviti pembelajaran yang dilakukan semasa pembelajaran atas talian. Selain daripada itu, pengajar juga bertanggungjawab untuk memastikan para pelajar tidak melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak sepatutnya semasa pembelajaran atas talian berlangsung. Pengajar akan memastikan para pelajar hanya membincangkan perkara berkaitan tajuk yang diberikan sahaja semasa pembelajaran atas talian dijalankan.

2.5.3 Interaksi Antara Pelajar dan Bahan Pembelajaran

Interaksi antara pelajar dan bahan pembelajaran berlaku apabila pelajar berinteraksi dengan isi kandungan tajuk pembelajaran tersebut (Miltiadou & Savenye, 2003). Dalam interaksi ini, pelajar akan berinteraksi dengan menjawab soalan berkaitan tajuk pembelajaran, bertanyakan soalan, membuat nota berkaitan tajuk pembelajaran dan menyimpulkan pemahaman mereka berkenaan dengan tajuk pembelajaran. Interaksi antara pelajar dan isi kandungan pembelajaran ini amat penting kerana dalam interaksi ini para pelajar akan dapat memahami isi kandungan bahan pembelajaran dengan lebih mendalam.

2.5.4 Interaksi Antara Pelajar dan Antara Muka

Interaksi antara Pelajar dan antara muka di dalam pembelajaran atas talian berlaku apabila pelajar fungsi-fungsi di dalam *Facebook* untuk berinteraksi dengan pelajar, pengajar, dan bahan pembelajaran (Miltiadou & Savenye, 2003). Interaksi ini bertindak sebagai medium untuk para pelajar melakukan interaksi-interaksi lain di dalam pembelajaran atas talian. Interaksi ini amat penting kerana antara muka E-pembelajaran yang menarik dan mudah digunakan akan dapat menarik minat para pelajar untuk terus mengambil bahagian secara aktif di dalam pembelajaran atas talian.

2.5.5 Dimensi Pembelajaran Penyertaan

Dimensi pembelajaran penyertaan digunakan bagi tujuan untuk mengukur tahap penyertaan pelajar di dalam pembelajaran atas talian. Dalam kajian ini, tahap penyertaan para pelajar diukur menggunakan bilangan pos yang pelajar masukkan di *Dinding Facebook* dan jumlah pos pelajar lain yang dilihat oleh rakan sekelas mereka. Menurut Said & Mohd Tahir (2013), tahap penyertaan pelajar boleh diukur menggunakan dua kategori iaitu penyertaan aktif dan penyertaan pasif. Penyertaan aktif seseorang pelajar itu boleh diukur berdasarkan bilangan pos yang dilakukan di dalam kumpulan perbincangan *Facebook*. Manakala penyertaan pasif pelajar pula boleh diukur berdasarkan kekerapan pelajar tersebut melihat pos-pos yang terdapat di dalam kumpulan perbincangan *Facebook* kelas mereka.

2.5.6 Dimensi Pembelajaran Interaktif

Dimensi pembelajaran interaktif digunakan bagi mengukur kekerapan pelajar berinteraksi di dalam *Facebook* dengan memberikan pernyataan yang bersifat kolaboratif dan kooperatif (Said & Mohd Tahir, 2013). Dalam kajian ini, terdapat beberapa aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pelajar akan dimabil kira dalam dimensi interaktif seperti memberikan maklumat, berkongsi pandangan, berkongsi pengalaman, bersetuju atau tidak bersetuju, menyatakan soalan, memberikan idea baru, memberikan maklum balas, dan menjelaskan idea-idea.

2.5.7 Dimensi Pembelajaran Sosial

Dimensi pembelajaran sosial pula digunakan untuk melihat interaksi sosial dikalangan pelajar dan pengajar. Dalam kajian ini, dua unit tematik yang diambil

kira iaitu daya penarik dan kesepaduan (Said & Mohd Tahir, 2013). Unit tematik daya penarik ditentukan berdasarkan bilangan ekspresi emosi yang dilakukan oleh pelajar manakala unit tematik kesepaduan pula ditentukan berdasarkan bilangan isyarat sosial yang dinyatakan oleh pelajar di dalam setiap pernyataan mereka seperti ucapan salam, ucapan penghormatan, ambil berat, member galakan, meminta maaf, bergurau, membuat lawak, dan berterima kasih.

2.5.8 Dimensi Pembelajaran Kognitif

Dimensi pembelajaran kognitif digunakan untuk melihat sejauh mana pelajar dapat memahami bahan pembelajaran yang dibincangkan. Said & Mohd Tahir (2013) telah mengelaskan dimensi kognitif kepada empat iaitu:

- i. Memberi penjelasan
 - Mengenal pasti masalah, menjelaskan atau memberikan pandangan.
- ii. Membuat pertimbangan
 - Menyatakan persetujuan atau bantahan, menyatakan hujah-hujah, meneroka atau berunding.
- iii. Membuat kesimpulan
 - Menghubungkan idea-idea, membuat kesimpulan, dan menghasilkan penyelesaian.
- iv. Strategi
 - Memberi gambaran dalam aplikasi dunia sebenar atau memberi rujukan kepada penyelesaian kepada dunia sebenar.

Berdasarkan unit-unit tematik tersebut, tahap pemprosesan maklumat pelajar akan dikenalpasti sama ada pada tahap permukaan sahaja ataupun pelajar dapat memahami bahan pembelajaran lebih mendalam lagi.

2.5.9 Dimensi Pembelajaran Nilai

Dimensi pembelajaran nilai digunakan untuk melihat nilai peribadi pelajar dan nilai murni berasaskan aspek budaya berkumpulan semasa interaksi atas talian (Said & Mohd Tahir, 2013). Dalam dimensi ini dua nilai murni yang akan dikaji iaitu nilai murni peribadi pelajar itu sendiri berdasarkan aspirasi dan inspirasi mereka. Manakala nilai murni berasaskan aspek budaya berkumpulan akan dikaji berdasarkan identiti komuniti, pengaruh sosial dan kepentingan budaya.

2.7 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan *Facebook* sebagai platform pembelajaran bagi empat buah kursus di sebuah IPTA di Malaysia. Responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar sepenuh masa Matematik (SPT) dan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL); dan separuh masa Pengajian Islam (SPI) dan Sains Sukan (SPS) dan mengambil kursus pendidikan komputer. Majoriti daripada responden adalah pelajar-pelajar perempuan Melayu berumur di antara 24 tahun ke atas. Maklumat berkaitan dengan responden adalah seperti dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1 Latar Belakang Responden

Jenis maklumat	N
Program/kursus	
Sepenuh masa Matematik (SPT)	18
Sepenuh masa TESL (SPL)	18
Separuh masa Pengajian Islam (SPI)	22
Separuh masa Sukan (SPS)	22
Jantina	
Perempuan	53
Lelaki	27
Etnik	
Melayu	62
Cina	14
India	4
Age	
19-23 tahun	15
24-30 tahun	29
31 tahun ke atas	36
Tahap pendidikan	
Tahun akhir ijazah pertama pendidikan	80

Analisa kandungan digunakan untuk menganalisis transkrip *Facebook* (n=480) yang merangkumi aspek perbincangan dan pembentangan kumpulan dalam platform *Facebook*. Model lima dimensi pembelajaran iaitu penyertaan, interaktif, sosial, kognitif dan nilai (Said & Mohd Tahir, 2013) digunakan untuk analisa kandungan transkrip *Facebook* ini.

2.8 PENDEKATAN PEMBELAJARAN

Dalam kajian ini, pendekatan pembelajaran melalui *Facebook* merangkumi tiga aspek iaitu mencampurkan maklumat dan sumber pembelajaran, mencampurkan kepakaran dan mencampurkan konteks pembelajaran manakala pembelajaran melalui *Facebook* ini berlangsung selama satu semester (15 minggu, terdiri daripada 13 minggu kuliah, dan seminggu setiap cuti pertengahan semester dan minggu pengajian). Pelajar dalam setiap program akan dibahagikan kepada kumpulan kecil dengan bilangan 4-6 pelajar. Aktiviti kumpulan *Facebook* juga

telah direka dengan mengambilkira penglibatan setiap kumpulan dalam perbincangan seperti dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2 Aktiviti Laman *Facebook* yang Berkaitan

Jenis	Penerangan	Penilaian	Komponen FB	Minggu
1	<i>Mencampurkan maklumat dan sumber pembelajaran.</i> Semua nota kuliah dan bahan-bahan kursus telah disediakan melalui laman <i>Facebook</i> . Intipati pendekatan 1 adalah untuk menggunakan <i>Facebook</i> sebagai alat alternatif kepada LMS.	Berkongsi maklumat dan rujukan Laporan tugas	• pengumuman FB dan pemberitahuan • FB kandungan saluran • FB saluran maklumat	1-3

Jadual 2.2 (Sambungan)

Jenis	Penerangan	Penilaian	Komponen FB	Minggu
2	<i>Mencampurkan kepakaran.</i> Pendekatan kedua untuk memupuk interaksi di <i>Facebook</i> antara pelajar dan pelajar, pelajar dan guru dan juga pelajar dan komuniti FB. Intipati pendekatan 2 adalah untuk beralih daripada perbincangan tertutup antara komuniti tetapi menggalakkan perbincangan terbuka yang boleh dilihat dan diakses oleh pengguna FB. Oleh itu dapat menjemput lebih banyak maklum balas.	Debat terbuka dan perbincangan	• Dalam kumpulan • Luar kumpulan (terbuka kepada semua pelajar)	4-7
3	<i>Mencampurkan konteks pembelajaran.</i> Pendekatan ketiga direka bagi membolehkan pelajar mencampurkan konteks pembelajaran yang berbeza seperti perbincangan akademik dan sosial serta kehidupan peribadi mereka. Intipati pendekatan 3 adalah untuk membenarkan pelajar menghantar mesej di laman <i>Facebook</i> yang berkaitan dengan komunikasi afektif.	Maklum balas rakan sebaya dan komen	• Dalam kumpulan • Luar kumpulan (terbuka kepada semua pelajar)	10-12

Semua aktiviti pembelajaran ini dijalankan menerusi platform *Facebook* yang mana setiap pelajar boleh mengakses dan mengikuti perbincangan dengan kumpulan pelajar yang lain.

2.9 REKA BENTUK PEMBELAJARAN FACEBOOK

Reka bentuk *Facebook* sebagai platform pembelajaran yang menggunakan pendekatan pembelajaran seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.2 adalah seperti berikut:

2.8.1 Mencampurkan maklumat dan sumber pembelajaran

Reka bentuk *Facebook* yang digunakan adalah melalui kemudahan *Facebook* Page di mana ia di reka bentuk mengambilkira ciri-ciri kursus pendidikan komputer seperti penggunaan imej utama dan imej profil yang berasaskan aspek teknologi komputer (Rajah 2.1).



Rajah 2.1 Paparan Utama *Facebook*

Melalui kemudahan *Groups* dalam platform *Facebook*, beberapa ruangan sumber dapat diwujudkan seperti sumber perbincangan dalam kumpulan (SPL, SPS, SPI dan SPT) dan juga ruangan bagi sumber pembelajaran seperti bahan

kuliah, kuiz, maklumbalas dan refleksi (Rajah 2.2).




Rajah 2.2 Maklumat Sumber Pembelajaran

Reka bentuk *Facebook* bagi aspek mencampurkan maklumat dan sumber pembelajaran adalah asas pembinaan ruangan pembelajaran dalam platform *Facebook* sebelum aktiviti perbincangan berlangsung seperti yang akan diterangkan dalam Seksyen 2.8.2.

2.8.2 Mencampurkan kepakaran

Bagi reka bentuk interaksi pelajar, reka bentuk *Facebook* dengan mencampurkan kepakaran digunakan yang mana pelajar-pelajar dari kursus SPL, SPT, SPI dan SPS mempunyai peluang untuk berhubung antara satu sama lain menerusi platform *Facebook* seperti dalam Rajah 2.3.



Rajah 2.3 Maklumat Pelajar

Menerusi kemudahan berhubung ini, aktiviti perbincangan yang mengambilkira kepelbagaian kepakaran antara pelajar (SPT, SPL, SPI dan SPS) dapat dijalankan seperti dalam Rajah 2.4.

Keboleh-mampuan Facebook dalam pembelajaran: Eklora 341 Terhadap Penggunaan dan Interaksi



Rajah 2.4 Perbincangan dalam Facebook

Reka bentuk *Facebook* yang mengambilkira penyertaan pelajar dari pelbagai kepakaran atau bidang adalah salah satu kemudahan yang boleh direka dan digunakan sepenuhnya untuk pelajar berbincang dan berinteraksi antara satu sama lain. Reka bentuk interaksi yang lebih terbuka juga boleh diperolehi dari platform *Facebook* yang akan diterangkan seterusnya dalam Seksyen 2.8.3.

2.8.3 Mencampurkan konteks pembelajaran

Bagi reka bentuk interaksi dengan mencampurkan konteks pembelajaran mengambilkira interaksi pelajar yang lebih terbuka seperti pembentangan melalui platform *Facebook* (Rajah 2.5).



Rajah 2.5 Pembentangan kumpulan

Melalui kemudahan ini, pembentangan akademik dapat dilakukan dengan penglibatan lebih ramai pelajar dan maklumbalas boleh diperolehi dengan lebih cepat (Rajah 2.6).



Rajah 2.6 Pembentangan terbuka di *Facebook*

Dengan reka bentuk *Facebook* dengan mencampurkan konteks pembelajaran, interaksi pelajar dapat diperluaskan dan perbincangan akan dapat dijalankan dengan lebih interaktif.

2.10 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian bagi dimensi pembelajaran penyertaan, interaktif, sosial, kognitif dan nilai adalah seperti berikut:

2.9.1 Dimensi Penyertaan

Dimensi penyertaan digunakan untuk mengukur penyertaan pelajar dalam pembelajaran di *Facebook*. Dalam kajian ini, terdapat dua jenis penyertaan yang penyertaan iaitu penyertaan aktif dan pasif. Penyertaan aktif ditentukan melalui bilangan posting yang dilakukan oleh pelajar di dinding *Facebook*. Semakin tinggi bilangan posting, yang lebih aktif pelajar dalam perbincangan kumpulan dan jika sebaliknya, adalah kurang aktif aktiviti pelajar. Manakala bagi penyertaan pasif, ia diukur melalui bilangan post dilihat oleh setiap pelajar. Jadual 2.3 menunjukkan tahap penyertaan pelajar dalam *Facebook* untuk pembelajaran.

Jadual 2.3 Dimensi Penyertaan

Kursus	Posting (Aktif)			Posting (Pasif)
	FB Groups	Pembentangan & Perbincangan	Total	
SPI	14	161	175	187
SPL	28	115	143	384
SPT	70	72	142	1178
SPS	15	5	20	239
Total	127	353	480	1988

Daripada jadual keputusan di atas, ia menunjukkan bahawa SPT adalah kumpulan dengan penyertaan (bilangan posting dan paparan) yang tinggi, manakala SPI dan SPL adalah kumpulan aktif yang mempunyai bilangan posting yang tinggi tetapi bilangan paparan yang rendah. Bagi SPS, kumpulan ini dianggap sebagai penyertaan rendah berdasarkan jumlah posting dan paparan daripada pelajar adalah rendah.

2.9.2 Dimensi Interaktif

Dimensi interaktif digunakan untuk mengukur bentuk interaksi pelajar dan pelajar lain dalam pembelajaran melalui *Facebook*. Dalam kajian ini, terdapat dua kategori yang digunakan untuk mengukur dimensi interaktif iaitu yang komponen kolaborasi dan koperasi. Jadual 2.4 menunjukkan kekerapan interaktiviti pelajar melalui *Facebook*.

Jadual 2.4 Dimensi Interaktif

Kursus	Koperatif				Kolaboratif				Total
	PRI	SHE	SHV	AND	PSQ	SNI	GVF	CRI	
SPI	58	25	15	5	3	2		10	118
SPL	46	10	25	5	28	3	13	3	133
SPT	57	4	12		15	2	2		92
SPS	11								11
Total	172	39	52	10	46	7	15	13	354

PRI – Providing Information, **SHE** – Sharing Experiences, **SHV** – Sharing Views, **AND** – Agreeing and Disagreeing, **PSQ** – Posing Questions, **SNI** – Suggesting New Ideas, **GVF** – Giving Feedback, **CRI** – Clarifying Ideas

Hasil keseluruhan dari Jadual 2.4 menunjukkan bahawa pelajar SPL mempunyai jumlah interaksi yang tertinggi diikuti oleh pelajar kumpulan SPI dan SPT. Pelajar kumpulan SPS adalah yang terendah untuk dimensi interaksi ini di *Facebook*.

2.9.3 Dimensi Sosial

Dimensi sosial digunakan untuk mengukur kekerapan posting sosial yang dibuat oleh pelajar semasa berinteraksi dengan rakan-rakan mereka di *Facebook*. Dalam kajian ini posting sosial diukur dalam dua kategori iaitu afektif dan kohesif. Jadual 2.5 menunjukkan kekerapan posting sosial oleh pelajar.

Jadual 2.5 Dimensi Sosial

Kursus	Afektif		Kohesif					TH K
	EMI	GRT	SAL	CON	ENC	APL	JNH	
SPI	9	12	13	3	3	2	3	11
SPL	48	10	13	4	4	8	4	11
SPT	19	9	3		1	3	6	11

Jadual 2.5 (Sambungan)

Kursus	Afektif		Kohesif					TH K
	EMI	GRT	SAL	CON	ENC	APL	JNH	
SPS			1					
Total	76	31	30	7	8	13	13	33

EMI – Emoticon Icon, GRT – Greetings, SAL – Salutations, CON – Concern, ENC – Encouragement, APL – Apology, JNH – Jokes and Humours, THK – Thanking

Daripada keputusan dari Jadual 2.5, dapat dilihat pelajar-pelajar banyak menggunakan ikon emosi (*emoticon*) untuk dimensi sosial di *Facebook* dengan jumlah tertinggi adalah daripada kumpulan SPL diikuti oleh pelajar SPT dan SPI. Pelajar daripada kumpulan SPS adalah pelajar yang hampir tiada interaksi sosial di *Facebook*.

2.9.4 Dimensi Kognitif

Bagi dimensi kognitif, ia digunakan untuk mengukur keupayaan kognitif pelajar melalui posting di *Facebook*. Dalam kajian ini, keupayaan kognitif pelajar diukur dengan menggunakan beberapa unit kognitif (seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.6) dengan melihat bagaimana pelajar memberikan maklumbalas kepada soalan-soalan atau isu-isu yang telah dibincangkan dalam kumpulan pembelajaran di *Facebook*.

Jadual 2.6 Dimensi Kognitif

Kursus	Unit Kognitif				Total
	CLR	INF	JDG	STR	
SPI	8	6	7	5	26
SPL	10	8	6	9	33
SPT	9	5	3	1	18
SPS					0
Total	27	19	16	15	77

CLR – Clarification, INF – Inference, JDG – Judgement, STR – Strategies

Daripada keputusan di atas, dapat dilihat kebanyakannya pelajar mempunyai interaksi kognitif melalui aktiviti penjelasan di ikuti dengan melakukan inferensi, dan penilaian serta strategi interaksi di *Facebook*.

2.9.5 Dimensi Nilai

Dimensi Nilai adalah satu dimensi baru yang digunakan untuk mengkaji interaksi pelajar dalam aspek nilai semasa pembelajaran mereka di *Facebook*. Dimensi ini bertujuan untuk mengetahui aspek nilai yang ditonjolkan oleh pelajar semasa pembelajaran di *Facebook*. Jadual 2.7 menunjukkan kekerapan posting nilai oleh pelajar.

Jadual 2.7 Dimensi Nilai

Kursus	Personal Value (PV)				Group Value (GV)				Total
	PV	PV	PV	PV	GV	GV	GV	GV	
	1	2	3	4	1	2	3	4	
SPI		1			2	5	3	3	14
SPL					2		4		6
SPT							1		1
SPS									
Total	1				4	5	8	3	21

PV1 – Kata positif, PV2 – Pengaruh rakan, PV3 – Minat, PV4 – Aspirasi, GV1 – Identiti komuniti, GV2 – Pengaruh komuniti, GV3 – Minat komuniti, GV4 – Aspirasi komuniti

Jadual di atas menunjukkan kekerapan interaksi berasaskan nilai yang ditunjukkan oleh pelajar semasa pembelajaran melalui *Facebook*. Keputusan menunjukkan bahawa hampir tiada nilai peribadi ditunjukkan oleh pelajar di *Facebook*. Walau bagaimanapun, dimensi interaksi berasaskan nilai kumpulan menunjukkan beberapa nilai ditonjolkan oleh pelajar seperti kepentingan identiti dan pengaruh komuniti disamping pengaruh sosial dan aspirasi.

2.11 PENUTUP

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka penggunaan *Facebook* sebagai alat alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran disamping juga memahami potensinya sebagai alat komunikasi sosial diluar konteks akademik. Walaupun *Facebook* direka bukan untuk penggunaan dalam konteks pendidikan secara umumnya, tetapi ia beberapa komponen yang boleh dimanfaatkan oleh guru atau tenaga pengajar untuk sesi pembelajaran yang lebih informal melalui aspek sosialisasi – rangkaian rakan-rakan. Sifat interaksi tidak formal, *Facebook* ini mungkin bercanggah dengan sifat formal pengajaran dan pembelajaran di institut pengajian tinggi tetapi ia menjanjikan satu keunikan dan boleh digunakan sebagai medium komunikasi yang efektif.

RUJUKAN

- Alexa (2014). Actionable Analytics for the Web Retrieved from <http://www.alexametrics.com/>
- Cheung, C. M., Chiu, P.-Y., & Lee, M. K. (2011). Online social networks: Why do students use *Facebook*? *Computers in Human Behavior*, 27, 1337-1343.
- Duffy, P. (2011). Facebook or Faceblok: Cautionary tales exploring the rise of social networking within tertiary education. In M. J. W. Lee & C. McLoughlin (Eds). *Web 2.0-base e-learning: Applying social informatics for tertiary teaching* (pp. 284-300). Hershey, PA:IGI Global.
- Facebook*. (2013). Key Facts. Retrieved December, 2013, from <http://newsroom.fb.com/content/default.aspx?NewsAreaId=22>
- Gray, R., Vitak, J., Easton, E., & Ellison, N. (2013). Examining social adjustment to college in the age of social media: Factors influencing successful transitions and persistence. *Computers & Education*, 193-207.
- Hew, K. F. (2011). Students' and teachers' use of *Facebook*. *Computers in Human Behavior*, 27(2), 662-676.
- Hussain, I. (2012). A study to evaluate the social media trends among university students. *International Education Technology Conference* (pp. 639-645). Elsevier.
- Lampe, C., Ellison, N., & Steinfield, C. (2006). A face(book) in the crowd: social Searching vs. social browsing. (pp. 167-170). ACM Press.
- Madge, C., Meek, J., Wellens, J., & Hooley, T. (2009). *Facebook*, social integration and informal learning at university: 'It is more for socializing and talking to friends about work than for actually doing work'. *Learning, Media and Technology*, 34(2), 141-155.
- Meishar-Tal, H., Kurtz, G., & Pieterse, E. (2012). *Facebook* Group as LMS: A

- Case Study. *The International Review of Research in Open and Distance Learning*, 13(4), 33-48.
- Miltiadou, M., & Savenye, W. C. (2003). Applying Social Cognitive Constructs of Motivation to Enhance Student Success in Online Distance Education. *Educational Technology Review*, 11(1).
- Mustaffa, N., Ibrahim, F., Wan Mahmud, W., Ahmad, F., Chang, P. K., & Mahbob, M. (2011). Diffusion of Innovations: The Adoption of *Facebook* among Youth in Malaysia. *The Innovation Journal: The Public Sector Innovation Journal*, 16(3).
- Pempek, T. A., Yermolayeva, Y. A., & Calvert, S. L. (2009). College students' social networking experiences on *Facebook*. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 30(3), 227-238.
- Pozi, F., Manca, S., Persico, D., & Sarti, L. (2007). A general framework for tracking and analysing learning processes in computer-supported collaborative learning environments. *Innovations in Education and Teaching International*, 44(2), 169-179.
- Quan-Haase, A., & Young, A. L. (2010). Uses and Gratifications of Social Media: A Comparison of *Facebook* and Instant Messaging. *Bulletin of Science, Technology & Society*, 30(5), 350-361.
- Ross, C., Orr, E. S., Sisic, M., Arseneault, J. M., Simmering, M. G., & Orr, R. R. (2009). Personality and motivations associated with *Facebook* use. *Computers in Human Behavior*, 25(2), 578-586.
- Said, M. H., & Mohd Tahir, L. (2013). Towards Identification of Students' Holistic Learning Process through *Facebook* in Higher Education. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 97, 307-313.
- Said, M. N. H. M., Tahir, L. M., & Ali, M. F. (2014). Facebook as a Tool: Exploring the Use of Facebook in Teaching and Learning. *Teaching and Learning in Computing and Engineering (LaTiCE) 2014 International Conference*, pp. 120-124. DOI: 10.1109/LaTiCE.2014.29.
- Said, M. N. H. M., Forret, M., & Eames, C. (2013). Online Collaborative Learning in Tertiary ICT Education: Constraints and Suggestions for Improvement. *Informatics and Creative Multimedia (ICICM'13)*, pp.153-158. DOI: 10.1109/ICICM.2013.33
- Sarsar, F., & Harmon, S. (2011). *Facebook* as an Online Learning Environment: Perceptions of Undergraduate Students. *Proceedings of Society for Information Technology & Teacher Education International Conference 2011* (pp. 715-720). Chesapeake, VA: AACE.
- Selwyn, N. (2009). Faceworking: exploring students' education related use of Facebook. *Learning, Media and Technology*, 34(2), 157-174. DOI:10.1080/17439880902923622
- Stern, L. A., & Taylor, K. (2007). Social Networking on *Facebook*. *Journal of the Communication, Speech & Theatre Association of North Dakota*, 20.

- Talib (2013). 13.3 million M'sians are *Facebook* users. Retrieved from <http://www.theborneopost.com/2013/06/16/13-3-million-msians-are-Facebook-users/>.
- Towner, T. L., & Muñoz, C. L. (2010). Let's 'Face' It: *Facebook* as an Educational Tool for College Students. World Conference on E-Learning in Corporate, Government, Healthcare, and Higher Education 2010 (pp. 1953-1958). Chesapeake, VA: AACE.
- Vivian, R. (2011). University Students Face-up to their Informal Learning Practices and Cognitive Learning Strategies with *Facebook*. World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia and Telecommunications 2011 (pp. 1234-1243). Chesapeake, VA: AACE.
- Wang, Q., Woo, H. L., Quek, C. L., Yang, Y., & Liu, M. (2012). Using the *Facebook* group as a learning management system: An exploratory study.
- Wilson, R. E., Gosling, S. D., & Graham, L. T. (2012). A Review of *Facebook* Research in the Social Sciences. *Perspectives on Psychological Science*, 7(3), 203-220.